



## SIARAN MEDIA

### **KHIDMAT BANTUAN KEWANGAN DALAM MEMBANTU PELAJAR OKU DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

**KUALA LUMPUR, 12 JANUARI** – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah mewujudkan *IIUM Disability Endowment Fund* dalam membantu pelajar OKU yang melanjutkan pembelajaran di UIAM. Dana bantuan tersebut telah dilancarkan oleh YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika Majlis Perasmian *The Premier Workshop On Disability Inclusion In Institutions Of Higher Learning (IHLs)* yang dianjurkan oleh *Disability Service Unit*, UIAM.

Dana tersebut akan digunakan untuk membantu pelajar dan kakitangan dari golongan Orang Kurang Upaya, dan juga telah mewujudkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain, seperti Lembaga Zakat Selangor dalam membantu menambah baik fasiliti yang disediakan bagi Orang Kurang Upaya di UIAM.

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata inisiatif UIAM mewujudkan *IIUM Disability Endowment Fund* patut dicontohi oleh Institut Pengajian Tinggi dalam membantu menanggung kos hidup golongan OKU yang lebih tinggi disebabkan oleh ketidakupayaan mereka.

Beliau juga berkata pendidikan merupakan elemen yang penting dalam memastikan golongan OKU dapat berdikari dan menyumbang kepada arus pembangunan negara. Oleh yang demikian, aksesibiliti kepada pendidikan akan memberi peluang kepada golongan OKU untuk bersaing di sektor pekerjaan disamping membolehkan golongan OKU untuk menjana pendapatan sendiri dan secara tidak langsung membolehkan mereka untuk menjadi insan yang aktif menyumbang dalam sesebuah komuniti. Namun begitu, masih wujud halangan persekitaran di Institut

Pengajian Tinggi yang merencatkan persekitaran yang ideal bagi kemudahan pelajar OKU.

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun berharap agar pihak Pengurusan Tertinggi dari kalangan IPT akan mendapat pemahaman yang lebih baik mengenai cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU dalam kehidupan seharian dalam mencapai kecemerlangan sama seperti rakan-rakan mereka yang bukan orang kurang upaya.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Van Hidraulik sumbangan Lembaga Zakat Selangor kepada UIAM. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah YBhg. Professor Dato' Sri Dr Zaleha Kamaruddin, Rektor UIAM, YB Senator Bathmavathi a/p K. Krishnan, YBhg. En. Abdul Basith Hamid, Pengurus Lembaga Zakat Selangor dan kira-kira 100 orang peserta dari pelbagai Institut Pengajian Tinggi.

\*\*\*

Disediakan oleh:  
Pejabat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Aras 37, Persiaran Perdana  
PUTRAJAYA  
Tel: 03-8323 1069